


Pekerja am dihukum mati edar kanabis

U/M 31/7/12 MS 29.

IPOH 30 Julai - Suasana tenang di Mahkamah Tinggi di sini hari ini bertukar hiba apabila beberapa ahli keluarga seorang tertuduh yang dihukum gantung selepas didapati bersalah atas tuduhan mengedar dadah itu tidak dapat menahan kesedihan.



Kesemua mereka saling berpandangan sambil menangis sebaik sahaja Hakim Datuk Zainal Azam Abd. Ghani menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Norisman Rozali (**gambar**), 34, yang bekerja sebagai pekerja am rendah di Majlis Perbandaran Kulim.

Sejurus selepas prosiding berakhir, Norisman, yang memakai baju T dan berseluar jeans juga dilihat mencium tangan dan memeluk dua lelaki yang dipercayai ahli keluarganya sambil menangis.

Hakim Zainal Azam menjatuhkan hukuman itu terhadap Norisman mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 setelah mendapati peguam bela yang mewakilinya, Sudesh Singh gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes tersebut.

Terdahulu, dalam keputusannya, Hakim Zainal Azam berkata, keterangan tertuduh ketika membela diri hanyalah penafian semata-mata dan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap pertuduhan.

Menurut beliau, keterangan daripada saksi-saksi pembelaan dalam kes itu juga saling bercanggah antara satu sama lain.

"Selepas menimbang dan mengambil kira keterangan semua saksi, saya mendapati pihak pen-

dakwa berjaya membuktikan kes terhadap tertuduh tanpa sebarang keraguan.

"Justeru itu, mahkamah tiada pilihan lain selain memerintahkan kamu dihukum gantung sampai mati," kata Hakim Zainal Azam.

Mengikut pertuduhan, Norisman didakwa mengedar dadah jenis kanabis seberat 655 gram kira-kira pukul 1.45 petang, 16 Mei 2010 di hadapan pondok perhentian bas, hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kubu Gajah, Larut Matang dekat sini.

Pertuduhan dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Farid Mohd. Mokhtar mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta sama.

Dalam kes itu, pihak pendakwaan memanggil tujuh saksi manakala pembelaan memanggil tiga saksi iaitu tertuduh sendiri, rakan sekerjanya dan bapanya.